

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 12/08/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Koperasi Sekolah Seluruh Negara Catat Perolehan RM359.3 Juta Tahun Lepas

Tarikh kemaskini: 12/08/2017

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Gerakan koperasi sekolah di seluruh negara mencatat perolehan berjumlah RM359.3 juta sehingga 31 Disember tahun lepas, kata Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Beliau berkata ia adalah peningkatan positif berbanding perolehan sebanyak RM338.9 juta dicatatkan pada 2015 dan tidak mustahil sasaran perolehan daripada koperasi sekolah sebanyak RM500 juta mampu dicapai pada tahun ini.

"Pada masa ini, terdapat sebanyak 2,376 koperasi sekolah di seluruh negara dengan keanggotaan berjumlah 2.8 juta orang dan aset terkumpul berjumlah RM327.1 juta sehingga kini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan produk perniagaan Pakej Raja Sehari (Perkahwinan) 'Pakej Raikan Cinta #tillJannah' anjuran Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Ahmad Razali, Ampang dekat sini, hari ini.

Mengenai produk perniagaan yang dijalankan koperasi SMK Dato' Ahmad Razali itu, Abdul Fattah berkata sekolah lain juga harus mencontohi inisiatif sama bagi menambah pendapatan koperasi sekolah masing-masing.

"Koperasi sekolah SMK Dato' Ahmad Razali telah memperoleh keuntungan

sebanyak RM47,268.11 pada tahun 2016 berbanding RM8,837.84

dicatatkan pada 2015, satu jumlah peningkatan yang banyak walaupun pernah mencatatkan kerugian sebanyak RM14,507.37 pada 2014, " katanya.

Sehubungan itu, Pakej Raja Sehari (Perkahwinan) anjuran SMK Dato' Ahmad Razali itu diharapkan dapat membimbing para pelajar mengenai keusahawanan dan ia merupakan aset tambahan yang penting apabila berkerjaya pada masa depan nanti, katanya.

-- BERNAMA